UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

BULETIN APB

EDUCATION FOR BETTER FUTURE



EDISI 17

OKTOBER 2026

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN

e-ISSN : 2682-7948

Literasi Digital: Kemahiran Asas Generasi Masa Hadapan

NORLIZA AMIN
FAKULTI BAHASA DAN LINGUSITIK, UNIVERSITI MALAYA
NUR HAKIMAH MD SALLEHUDDIN, FATIN ALIYAH HASSAN, NUR AMIRAH NABIHAH ZAINAL ABIDIN, NIK MAHFUZAH NIK MAT
UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS SEREMBAN



Perkembangan teknologi digital telah mengubah cara manusia belajar, bekerja, berkomunikasi, dan memperoleh maklumat. Jika suatu ketika dahulu pelajar bergantung kepada buku teks, perpustakaan, dan penerangan guru untuk memperoleh pengetahuan, hari ini maklumat boleh diakses hanya dengan beberapa sentuhan pada skrin. Enjin carian, media sosial, platform pembelajaran dalam talian, dan kecerdasan buatan *(AI)* menyediakan akses kepada pelbagai sumber yang boleh diperoleh dalam tempoh yang sangat singkat.

Namun, kemampuan menggunakan teknologi tidak menjadikan seseorang itu celik digital. Literasi digital bukan sekadar kebolehan menggunakan teknologi, tetapi merangkumi kemahiran mencari dan menilai maklumat, komunikasi, penciptaan kandungan, etika dan penyelesaian masalah (Sánchez-Caballé et al., 2020). Seiring dengan perkembangan digital dalam kehidupan, literasi digital telah menjadi kemahiran asas yang perlu dikuasai oleh generasi masa hadapan

Penerapan Literasi Digital dan Cabaran Ketepatan Maklumat

Kemunculan teknologi *AI* generatif membawa perubahan besar dalam bidang pendidikan. Pelajar kini memanfaatkan *AI* untuk memahami konsep, menjana idea, menterjemahkan teks, serta menyusun maklumat. Dalam konteks pendidikan di Malaysia, penerapan literasi digital merangkumi pelbagai aspek kompetensi digital seperti literasi maklumat dan data, penciptaan kandungan, keselamatan digital, penyelesaian masalah, serta kewarganegaraan digital (Abd Ghafar et al., 2025).

Literasi digital kini melangkaui sempadan asas dan beralih kepada literasi *AI,* yang merangkumi pengetahuan teknikal, pemikiran kritis, dan pertimbangan etika yang khususnya berkaitan dengan penggunaan *AI* (Chiu et al., 2024; Tzirides et al., 2024). Walau bagaimanapun, kemajuan teknologi tanpa nilai kemanusiaan hanya melahirkan masyarakat yang pantas memperoleh maklumat, tetapi kurang bijak dalam memanfaatkannya. Oleh itu, fokus literasi *AI* bukan hanya untuk mendapatkan jawapan dengan pantas, sebaliknya untuk mendidik pelajar agar memahami, menilai, dan mengesahkan maklumat secara bijak (Tzirides et al., 2024; Zhong & Liu, 2024).

e-ISSN : 2682-7948

Maklumat yang dijana oleh *AI* tidak semestinya tepat. Walaupun kelihatan tersusun dan meyakinkan, output tersebut tetap perlu dinilai secara kritis. Sehubungan dengan itu, institusi pendidikan dan para pendidik memainkan peranan penting dalam membangunkan kompetensi digital pelajar. Penerapan literasi digital perlu merentasi pelbagai subjek, bukan hanya terhad kepada bidang teknologi maklumat sahaja. Pengintegrasian literasi digital dan *AI* yang beretika berupaya menyokong pembelajaran kendiri, kreativiti, serta kolaborasi pelajar, menjadikan *AI* sebagai alat yang membantu manusia berfikir, bukannya menggantikan proses pemikiran (Socradji, 2025).



Etika dan Tanggungjawab dalam Ruang Digital

Kemudahan yang ditawarkan oleh teknologi tidak seharusnya dijadikan alasan untuk mengabaikan integriti akademik. Penggunaan *AI* dalam pendidikan turut menimbulkan persoalan etika, khususnya yang berkaitan dengan plagiarisme, kebergantungan terhadap teknologi dan kemungkinan kemerosotan kemahiran berfikir secara kritis (Mohd Salleh et al., 2025).

Literasi digital dan etika merupakan dua elemen penting yang saling melengkapi bagi memastikan internet digunakan secara bijaksana dan berintegriti. Dunia digital kadangkala menimbulkan tanggapan bahawa perkara yang berlaku di sebalik skrin tidak memberikan kesan terhadap kehidupan sebenar. Sebelum berkongsi sebarang kandungan, pengguna perlu juga menilai kesahihan serta kesannya terhadap orang lain. Menurut Ashaari et al. (2022), penggunaan teknologi secara berhemah memerlukan kesedaran tentang hak, tanggungjawab, etika dan keselamatan digital.

Selain itu, generasi masa kini juga perlu memahami konsep jejak digital (*digital footprint*). Kandungan yang dimuat naik pada hari ini mungkin kekal dalam ruang digital untuk tempoh yang panjang, walaupun telah dipadamkan daripada akaun asal. Kesedaran ini penting agar mereka lebih berhati-hati ketika berkongsi maklumat peribadi, gambar, lokasi atau pandangan yang berpotensi menjejaskan diri mereka pada masa hadapan.

Literasi digital bukan lagi sekadar kelebihan, tetapi merupakan satu keperluan dalam dunia masa kini. Generasi masa hadapan bukan sahaja perlu mengetahui cara menggunakan teknologi, malah perlu bijak menilai maklumat, menjaga privasi dan keselamatan, menghormati orang lain serta menggunakan teknologi secara beretika dan bertanggungjawab. Kesimpulannya, teknologi akan terus berkembang dari semasa ke semasa, namun keupayaan manusia untuk berfikir, menilai dan membuat keputusan tetap menjadi asas yang tidak boleh digantikan.



Rujukan

Abd Ghafar, N. F., Razali, F., & Mohd Ayub, A. F. (2025). Systematic literature review: Digital competency framework for upper econdary students in Malaysia. *International Journal of Research and Innovation in Social Science, 9*(3), 2707–2716. https://doi.orsg/10.47772/IJRISS.2025.90300213

Ashaari, M. F., Ismail, N. F., Mohamad Rasit, R., & Aini, Z. (2022). Pembangunan model kewarganegaraan digital Islami berdasarkan metode Fuzzy Delphi. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication, 38*(4), 75–90. https://doi.org/10.17576/JKMJC-2022-3804-06

Mohd Salleh, F. N., Azman, N. A. A., Abdullah, N. I., Abdul Rani, N. H., Asyikin, N. A., & Lee, A. I. (2025). Penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam kalangan pelajar universiti: Kesan terhadap pembelajaran dan kebergantungan akademik. *E-Journal of Islamic Thought & Understanding, 8*(1), 82–99. https://doi.org/10.24191/ejitu.v8i1.7341

Sánchez-Caballé, A., Gisbert-Cervera, M., & Esteve-Mon, F. (2020). The digital competence of university students: A systematic l iterature review. *Aloma: Revista de Psicologia, Ciències de l'Educació i de l'Esport, 38*(1), 63–74. https://doi.org/10.51698/aloma.2020.38.1.63-74

Socradji, L. (2025). Cabaran dan potensi pengintegrasian literasi digital dalam pembelajaran Bahasa Melayu. *Persidangan Antarabangsa Memartabatkan Bahasa Melayu, 3*, 14–19. https://doi.org/10.37134/pambm.vol3.2.2025

Tzirides, A. O., Zapata, G., Kastania, N. P., Saini, A. K., Castro, V., Ismael, S. A., You, Y.-L., dos Santos, T. A., Searsmith, D., O'Brien, C., Cope, B., & Kalantzis, M. (2024). Combining human and artificial intelligence for enhanced AI literacy in higher education. *Computers and Education Open, 6*, 100184. https://doi.org/10.1016/j.caeo.2024.100184